

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HSE 351 - Sejarah Eropah Moden

(Luar Kampus)

Tarikh: 16 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja.

1. Bincangkan sebab-sebab mengapa Negara Perancis berperang dengan negara Eropah lain antara 1793-1815. Setakat manakah matlamat Perang Napoleon melanjutkan matlamat perang pada masa revolusi?
2. Dalam revolusi-revolusi 1848 di Eropah, nasionalisme merupakan 'sesuatu yang telah menggagalkan liberalisme atau pun radikalisme'. Bincangkan.
3. Revolusi perindustrian merupakan satu proses di mana setiap ciptaan melahirkan ciptaan lain. Bincangkan.
4. Terangkan pandangan Malthus dan Ricardo yang bersifat pesimis mengenai ekonomi dan pertumbuhan penduduk, dan bincangkan sejauh manakah pandangan tersebut mencerminkan sifat biasa di Eropah pada kurun ke-19.
5. Setakat manakah Bismarck merupakan tokoh yang bersifat nasionalis?
6. Terangkan perbahasan dalam gerakan sosialis mengenai penglibatan kaum sosialis dalam sistem parlimen. (Antara contoh lain, jawapan anda harus merujuk kepada kes Menshevik dan Bolshevik di Rusia.)

7. Banding dan bezakan organisasi dan pencapaian Liga Bangsa-Bangsa (League of Nations) yang ditubuhkan selepas perang Dunia Pertama dan Sistem Kongres selepas perang-perang Napoleon.

8. Terangkan kemunculan pertubuhan sayap kanan di Eropah pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an, dan tindak balas pihak sederhana dan sayap kiri untuk menyekat kemajuan parti kanan.

-ooo000ooo-